

06/10/2003

F1 bot laju satu lagi kejayaan negara: Dr M

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Malaysia sekali lagi mendapat perhatian dunia apabila acara akhir siri ke-5 kejuaraan Formula Satu (F1) Bot Laju Sedunia di tasik buatan manusia di The Mines Resort City di sini, disiarkan secara langsung semalam dan disaksikan lebih 750 juta penonton di 60 negara.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya membawa acara antarabangsa itu ke negara ini, berkata ini satu lagi kejayaan Malaysia dalam mengadakan perlumbaan F1 bot laju.

"Kita nampak tempat ini amat sesuai, pemandangan juga cantik dan tahun ini lebih ramai peserta dan penonton," katanya.

Beliau juga yakin kejohanan itu akan terus diadakan di Malaysia tahun depan walaupun beliau bersara akhir bulan ini.

"Tidak ada perbezaan kerana Hisham (Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein) ada di sini dan beliaulah bertanggungjawab. Ia akan terus diadakan," katanya pada sidang media selepas menyaksikan kejohanan itu.

Beliau turut menyampaikan hadiah kepada Scott Gillman dari Amerika Syarikat iaitu anggota pasukan Emirates F1, yang menjuarai kejohanan itu dengan mencatat masa perlumbaan 52:00.32s.

Terdahulu, Dr Mahathir menerima Jalur Gemilang daripada perenang maraton Datuk Malek Maidin, yang baru-baru ini menawan Selat Inggeris, sebelum bendera itu dinaikkan untuk dikibarkan pada majlis itu oleh wakil polis. Ini diikuti dengan nyanyian lagu Negara Ku versi baru.

Beliau kemudian menekan butang siren menandakan pelancaran kejohanan itu. Ini adalah kali ketiga Malaysia menjadi tuan rumah kejohanan itu dan kali kedua berturut-turut di tasik buatan terbesar di dunia itu. Kali pertama di Tanjung Puteri, Johor pada 2001.

Penganjur, iaitu Union of Internationale Motonautique (UIM) menetapkan perlumbaan di tasik The Mines Resort City itu sebagai gelanggang tetap secara pusingan di antara 11 negara.

Malaysia sekali lagi dipilih sebagai penganjur terbaik. Seramai 24 peserta mengambil bahagian yang dilepaskan oleh Dr Mahathir dan ditonton secara langsung selama 45 minit di 60 negara termasuk China, India, Perancis dan Amerika Syarikat.

Kira-kira 100,000 penonton tempatan dan pelancong asing menyaksikan perlumbaan petang semalam, berbanding 75,000 tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, dengan siaran langsung yang disaksikan lebih 750 juta penonton di seluruh dunia itu juga akan dapat membantu memaparkan betapa amannya Malaysia.

"Ini akan menolong menunjukkan bahawa negara kita ini aman, menarik dan segala dakwaan bahawa negara kita ini berbahaya tidak benar. Kalau kita tengok peserta dari luar negara yang datang ke acara ini, tak ada masalah," katanya.

Kemudian beliau secara berseloroh berkata: "Di sini (tasik) adalah tempat yang baik untuk perlumbaan ini. Sudah tentu seperti anda tahu, saya mempunyai rumah di sini. Saya boleh menontonnya dari rumah saya, jika saya tidak dibenar masuk kerana saya bukan lagi Perdana Menteri, saya tinggal di rumah saya dan menontonnya."

Mengenai penyertaan rakyat tempatan dalam perlumbaan itu sejak tiga tahun berturut-turut, beliau berkata prestasi mereka semakin baik dari semasa ke semasa.

"Kita tidak boleh jadi juara sekali kita cuba. Semuanya mengambil masa

untuk supaya menjadi lebih baik," katanya.